

24 MAR 2001

Pasport (Bergambar)

PEMEGANG PASPORT PINTAR DILARANG MASUKI KOREA

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Seorang rakyat Malaysia tidak dibenarkan memasuki Korea Selatan pada Isnin lepas kerana pegawai imigresen negara itu meragui pasport pintarnya.

Yap Boon Huat, 25, juga mendakwa ditendang di kaki oleh pegawai imigresen negara itu dan pasportnya dikoyak sebelum dia diarah kembali ke Malaysia.

Bercakap pada sidang berita di Wisma MCA hari ini, peniaga barang perubatan itu berkata dia pergi ke Seoul untuk bercuti selama enam hari dan menikmati suasana musim sejuk di negara itu.

Katanya dia menghadapi masalah itu di kaunter imigresen lapangan terbang Seoul apabila dia menunjukkan pasportnya, yang merupakan pasport pintar yang dilengkapi cip mengandungi maklumat peribadi seperti cap jari dan gambar pembawa sebagai ciri keselamatan.

Pasport itu, yang merupakan yang pertama seumpamanya di dunia, dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1998.

Yap, dari Jalan Ipoh di sini yang mendapat pasport itu pada 8 Feb lepas, berkata pegawai imigresen Korea itu menuduh beliau sebagai pelarian dari China yang menggunakan pasport palsu untuk masuk ke negaranya.

Katanya dia menerangkan kepada pegawai itu bahawa penggunaan alat pengimbas pada pasportnya tidak memerlukan ia dicop di Malaysia tetapi penjelasannya itu tidak dilayan.

Beliau terus dihantar pulang setelah lebih dua jam ditahan.

"Saya juga meminta untuk menghubungi kedutaan Malaysia tetapi permintaan saya tidak dihiraukan," kata Yap.

Ketua Biro Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA Michael Chong berkata ini adalah kes pertama seumpamanya yang dilaporkan kepada biro itu.

Beliau telah menghubungi Wisma Putra untuk memaklumkan perkara itu dan meminta supaya langkah-langkah yang sewajarnya diambil agar kejadian serupa tidak berulang.

"Kita juga mahu Wisma Putra menjelaskan kepada pihak Korea bahawa mereka tidak berhak untuk mengoyak pasport milik rakyat negara lain dan menyiasat dakwaan Yap yang tidak dibenarkan menghubungi kedutaan kita di sana," katanya.

-- BERNAMA

SHI AZZ MAI